

INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)www.gaexcellence.com/ijmoe**PELAKSANAAN TEKNIK MNEMONIK “VAN” (VISUAL,
AKRONIM, NYANYIAN) DALAM MENINGKATKAN DAYA
INGATAN MURID***PELAKSANAAN TEKNIK MNEMONIK “VAN” (VISUAL, AKRONIM,
NYANYIAN) DALAM MENINGKATKAN DAYA INGATAN MURID*Izzah Syakirah Maaruf¹*¹ Faculty of Major Language Studies, Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysiaizzahsyakirah@usim.edu.my<https://orcid.org/0009-0004-2599-0212>

*Corresponding Author

Article Info:**Article history:**

Received date: 16.07.2026

Revised date: 27.07.2026

Accepted date: 20.08.2026

Published date: 20.09.2026

To cite this document:

Maaruf, I. S. (2026). Pelaksanaan Teknik Mnemonik “Van” (Visual, Akronim, Nyanyian) Dalam Meningkatkan Daya Ingatan Murid. *International Journal of Modern Education*, 8(31), 847-859.

Abstrak:

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti keberkesanan integrasi Teknik Mnemonik “VAN” (Visual, Akronim, Nyanyian) dalam membantu murid mengingat semula kata kunci maklumat riwayat hidup dan iktibar tokoh sahabat ketika pengajaran dan pembelajaran (PdP) Sirah. Kajian ini dijalankan bagi menangani kekeliruan murid dalam membezakan fakta riwayat dan iktibar tokoh sahabat yang masih kurang diberi perhatian dalam konteks topik Sirah Pendidikan Islam sekolah menengah. Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kaedah campuran melalui triangulasi data kuantitatif dan kualitatif melibatkan 12 orang murid tingkatan 3 Sekolah Menengah di Putrajaya. Data dikumpulkan melalui ujian, temu bual dan pemerhatian. Data kuantitatif dianalisis secara deskriptif melalui perbandingan skor, manakala data kualitatif dianalisis menggunakan analisis tematik (ATLAS.ti). Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat peningkatan daya ingatan murid melalui integrasi Teknik Mnemonik “VAN” dengan cara penekanan memori melalui nyanyian, peringkasan maklumat melalui akronim, dan integrasi sokongan visual dan kinestetik dalam memproses maklumat. Ketiga-tiga ini sangat menyokong Teori Pemprosesan Maklumat Gagne (1974) terutama dalam proses pengingatan semula maklumat (*output*). Hasil kajian ini mencadangkan bahawa pelaksanaan integrasi amalan dalam PdP seperti Teknik Mnemonik “VAN” bagi memastikan PdP Sirah lebih berkesan, meningkatkan ingatan dan minat murid, serta selari dengan PAK21. Kajian ini menyumbang kepada bidang Pendidikan Islam dalam memberikan panduan kepada pendidik untuk memastikan

PdP Sirah menjadi lebih bermakna, menyeronokkan dan berkesan dalam jangka masa panjang.

DOI: 10.35631/IJMOE.831049

Kata Kunci:

Akronim, Mnemonik, Nyanyian, Sirah, Visual

Abstract:

This study aims to identify the effectiveness of integrating the “VAN” Mnemonic Technique (Visual, Acronym, Singing) in assisting students to recall key information related to the biographies and moral lessons of the Prophet’s companions during the teaching and learning (T&L) process of Sirah. The study was conducted to address students’ confusion in differentiating between biographical facts and moral values of the companions, an issue that has received limited attention within the context of Sirah topics in Islamic Education at the secondary school level. This study employed a mixed-method research design through the triangulation of quantitative and qualitative data involving 12 Form Three students from a secondary school in Putrajaya. Data were collected through tests, interviews, and observations. Quantitative data were analysed descriptively through score comparisons, while qualitative data were analysed using thematic analysis (ATLAS.ti). The findings indicate that students’ memory retention improved through the integration of the “VAN” Mnemonic Technique by emphasising memory reinforcement through singing, information simplification through acronyms, and the integration of visual and kinesthetic support in information processing. These elements strongly support Gagne’s Information Processing Theory (1974), particularly in the process of information recall (output). The findings suggest that the implementation of integrated practices in T&L, such as the “VAN” Mnemonic Technique, can enhance the effectiveness of Sirah instruction and improve students’ retention of learning content. This study contributes to the field of Islamic Education by guiding educator to ensure that the T&L of Sirah becomes more meaningful, enjoyable, and effective in the long run.



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijmoe@gaexcelence.com

Keyword:

Acronym, Mnemonics, Singing, Sirah, Visual.

Pengenalan

Pendidikan Sirah dan pembelajaran berasaskan tokoh dalam Pendidikan Islam memainkan peranan penting dalam membentuk kefahaman, jati diri, serta penghayatan nilai dalam kalangan murid. Namun demikian, penguasaan fakta biografi tokoh sering menjadi cabaran utama dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP), khususnya apabila murid perlu mengingat maklumat yang banyak, hampir serupa, dan disampaikan secara berturutan dalam tempoh masa yang singkat. Keadaan ini boleh menjejaskan keupayaan murid untuk mengekalkan dan membezakan maklumat dengan tepat, sekali gus memberi impak kepada pencapaian akademik mereka.

Isu ini turut dikesan dalam kalangan murid Tingkatan 3 Averroes bagi topik Tokoh Sahabat yang melibatkan beberapa tokoh utama seperti Bilal bin Rabah, Muaz bin Jabal, Abdul Rahman bin Auf dan Khalid bin Al-Walid. Analisis awal terhadap latihan dan penilaian kelas menunjukkan kira-kira 40% murid gagal membezakan serta memadankan fakta biografi dengan tokoh yang betul. Situasi ini menunjukkan wujudnya kelemahan dalam aspek daya ingatan dan pemprosesan maklumat yang perlu diberi perhatian secara pedagogi.

Daripada sudut pedagogi, kesukaran ini boleh dikaitkan dengan beban kognitif yang tinggi apabila murid menerima beberapa set maklumat yang hampir serupa secara serentak tanpa sokongan strategi pengelasan atau pemetaan ingatan yang berkesan. Selain itu, amalan PdP yang masih banyak bergantung kepada pendekatan berpusatkan guru seperti syarahan dan hafalan linear turut menghadkan penglibatan aktif murid dalam proses mengingat dan memahami maklumat secara mendalam.

Sehubungan itu, teknik mnemonik dikenal pasti sebagai salah satu pendekatan yang berpotensi untuk meningkatkan daya ingatan murid melalui pengkategorian maklumat yang lebih bermakna dan mudah diingati. Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa penggunaan elemen visual, akronim dan elemen audio seperti nyanyian mampu meningkatkan penyimpanan memori serta membantu murid menstrukturkan maklumat kompleks dengan lebih sistematik. Berdasarkan justifikasi ini, kajian ini dilaksanakan untuk memperkenalkan Teknik Mnemonik “VAN” iaitu gabungan Visual, Akronim dan Nyanyian sebagai satu intervensi pedagogi dalam meningkatkan daya ingatan murid terhadap fakta tokoh Sahabat. Teknik ini diharapkan dapat membantu murid mengingat maklumat dengan lebih mudah, meningkatkan ketepatan pepadanan fakta, serta menjadikan proses pembelajaran Sirah lebih interaktif dan bermakna. Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan Teknik Mnemonik “VAN” dalam meningkatkan daya ingatan murid untuk mengingat semula kata kunci riwayat hidup dan iktibar tokoh sahabat serta memadankan fakta dengan betul dalam PdP Sirah selepas intervensi dilaksanakan. Kajian ini juga diharapkan dapat memberi sumbangan kepada amalan pedagogi Pendidikan Islam melalui pendekatan yang lebih kreatif, berpusatkan murid, dan sesuai dengan kepelbagaian gaya pembelajaran semasa.

Sorotan Literatur

Terdapat enam perkara utama yang akan dibincangkan dalam ulasan sorotan literatur.

Isu-Isu dalam PdP Sejarah dan Sirah

Proses PdP bagi subjek yang berasaskan fakta padat seperti Sejarah dan Sirah sering kali berhadapan dengan kekangan dari sudut penyampaian isi kandungan serta penerimaan kognitif murid. Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa penguasaan fakta Sejarah Islam dalam kalangan murid masih berada pada tahap yang mencabar, khususnya disebabkan oleh kekurangan minat serta ketiadaan strategi pembelajaran yang efektif. Keadaan ini memberi implikasi langsung terhadap keupayaan murid memahami nilai dan pengajaran yang terkandung dalam sesuatu peristiwa Sejarah Islam, apabila fakta asas gagal dikuasai secara tersusun. Hal ini turut menunjukkan bahawa kelemahan dalam aspek ingatan fakta bukan sahaja menjejaskan prestasi kognitif murid, malah turut menghalang proses penghayatan terhadap iktibar sejarah. Dalam konteks kajian ini, isu yang sama dapat diperhatikan apabila murid Tingkatan 3 Averroes didapati mengalami kesukaran dalam membezakan serta memadankan fakta biografi dan iktibar Tokoh Sahabat. Situasi ini berpunca daripada ketiadaan strategi pembelajaran yang sistematik bagi membantu pengukuhan ingatan secara berstruktur.

Bagi mendepani isu kefahaman dan hafalan fakta tersebut, penyelidik terdahulu telah mula meneroka intervensi berasaskan alternatif pedagogi yang lebih kreatif. Selari dengan dapatan tersebut, kajian tindakan oleh Tang Geok Ling (2005) menunjukkan bahawa penggunaan kaedah mnemonik dalam pengajaran Sejarah mampu meningkatkan keupayaan murid untuk mengingat fakta dengan lebih berkesan. Kajian tersebut juga melaporkan peningkatan minat serta penglibatan murid dalam proses pembelajaran apabila strategi mnemonik digunakan, sekali gus menjadikan PdP lebih aktif dan bermakna. Dapatan ini mengukuhkan keperluan kepada pendekatan pengajaran yang bersifat strategik bagi mengatasi masalah ingatan fakta dalam kalangan murid.

Kerangka Teori Pemprosesan Maklumat

Teknik Mnemonik “VAN” dibangunkan berlandaskan Teori Pemprosesan Maklumat yang diperkenalkan oleh Gagne (1974). Teori ini menghuraikan proses pembelajaran manusia sebagai satu siri pemprosesan kognitif yang melibatkan penerimaan, pengekodan, penyimpanan dan pengingatan semula maklumat. Dalam proses ini, rangsangan daripada persekitaran diterima melalui deria sebelum diproses dalam sistem kognitif dan seterusnya disimpan dalam ingatan jangka pendek serta jangka panjang. Dalam konteks pembelajaran, teknik mnemonik berfungsi sebagai strategi kognitif yang membantu mengorganisasi maklumat kompleks kepada bentuk yang lebih mudah dan bermakna. Hal ini memudahkan proses pengekodan dan meningkatkan kebarangkalian maklumat tersebut disimpan dalam ingatan jangka panjang serta dapat diingat semula apabila diperlukan. Oleh itu, mnemonik berperanan sebagai alat sokongan kognitif yang memperkukuh proses pemindahan maklumat dalam sistem ingatan murid.

Latar Belakang Mnemonik

Mnemonik berasal daripada perkataan Yunani “Mnemosyne”, iaitu dewi memori dalam mitologi Yunani yang melambangkan kekuatan ingatan manusia. Secara konseptual, mnemonik

merujuk kepada teknik sistematik yang digunakan untuk meningkatkan keupayaan ingatan melalui pengkaitan maklumat baharu dengan pengetahuan sedia ada dalam bentuk yang lebih ringkas dan bermakna. Mastropieri dan Scruggs (2012) mendefinisikan mnemonik sebagai strategi yang membantu mempertingkatkan daya ingatan, manakala Bakken dan Simpson (2011) menekankan bahawa pendekatan ini menjadikan pengetahuan lebih bermakna melalui organisasi maklumat yang lebih teratur. Secara keseluruhannya, mnemonik boleh difahami sebagai teknik kognitif yang memudahkan proses pengekodan dan mengingat semula maklumat dalam ingatan manusia.

Pelaksanaan Mnemonik dalam PdP

Pelaksanaan teknik mnemonik dalam bilik darjah melibatkan proses transformasi fakta kepada bentuk yang lebih mudah diingati seperti akronim, kata kunci, rima atau cerita ringkas. Dalam konteks pengajaran Sirah, guru biasanya memilih fakta utama seperti nama tokoh, latar belakang, sumbangan dan iktibar sebelum membina struktur mnemonik yang sesuai. Seterusnya, murid diperkenalkan kepada hubungan antara mnemonik yang dibina dengan fakta sebenar melalui aktiviti PdP yang terancang. Penggunaan kaedah seperti aktiviti visual melalui kad imbasan, peta konsep atau lukisan serta aktiviti pengulangan seperti nyanyian dan lakonan ringkas membantu mengukuhkan ingatan jangka panjang murid. Kajian oleh Khairuddin, Mailok dan Azizan (2023) mendapati bahawa penggunaan mnemonik visual dan kata kunci meningkatkan keupayaan murid dalam mengingat maklumat sejarah secara lebih efektif. Selain itu, McNiff (2017) menegaskan bahawa strategi pembelajaran aktif seperti mnemonik bukan sahaja meningkatkan kefahaman, tetapi juga memperkukuh penglibatan murid dalam proses pembelajaran. Oleh itu, pendekatan ini berfungsi sebagai kaedah pedagogi yang bersifat interaktif dan berpusatkan murid.

Kelebihan Mnemonik

Kajian literatur menunjukkan bahawa mnemonik merupakan strategi yang berkesan dalam meningkatkan keupayaan ingatan merentas pelbagai peringkat pendidikan. Maizan Muhammad (2017) menyatakan bahawa mnemonik membantu memudahkan proses penyimpanan maklumat penting dalam bentuk yang lebih mudah diingati, manakala Thompson (1987) menegaskan bahawa teknik ini mempercepatkan proses pembelajaran melalui pengorganisasian maklumat ke dalam struktur kognitif yang lebih sistematik. Dalam konteks pembelajaran sejarah, Colak dan Aydin (2022) mendapati bahawa penggunaan mnemonik meningkatkan pencapaian akademik serta ketahanan ingatan terhadap fakta sejarah. Hal ini disokong oleh McNiff (2017) yang menegaskan bahawa pendekatan pembelajaran aktif seperti mnemonik meningkatkan penglibatan murid serta menjadikan PdP lebih bermakna. Selain itu, dalam konteks Pendidikan Islam, mnemonik berpotensi meningkatkan minat murid terhadap subjek Sirah melalui pendekatan kreatif yang mengurangkan kebergantungan kepada hafalan tradisional semata-mata. Pendekatan ini bukan sahaja memudahkan proses ingatan fakta, tetapi turut menyokong penghayatan nilai melalui penglibatan aktif murid dalam pembelajaran.

Kesesuaian Teknik Mnemonik dalam PdP Sirah

Secara keseluruhan, teknik mnemonik selari dengan prinsip Teori Pemprosesan Maklumat yang menekankan kepentingan organisasi kognitif dalam proses pembelajaran. Penggunaan mnemonik membantu merangsang proses penerimaan, pengekodan dan pengingatan semula maklumat secara lebih sistematik, sekali gus meningkatkan keupayaan ingatan murid. Selain

itu, pendekatan ini turut menyokong kenyataan Abdul Jalil dan Bahtiar (2005), mengenai teori Konstruktivisme Vygotsky (1978), mereka menjelaskan bahawa melalui prinsip konstruktivisme, ilmu pengetahuan dibina secara aktif oleh setiap individu berasaskan pengalaman yang dilaluinya. Melalui proses ini, murid bukan sahaja mengingat fakta, tetapi juga membina kefahaman yang lebih mendalam terhadap kandungan pembelajaran. Oleh itu, teknik mnemonik bukan sekadar alat bantu hafalan, tetapi merupakan strategi pedagogi yang menyokong pembelajaran bermakna dalam PdP Sirah.

Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tindakan berasaskan Model Kemmis dan McTaggart yang bersifat kitaran merangkumi fasa merancang, bertindak, memerhati dan merefleksi (Kemmis & McTaggart, 1988). Model ini dipilih kerana menyokong penambahbaikan berterusan melalui refleksi sistematik terhadap keberkesanan Teknik Mnemonik “VAN” yang mengintegrasikan elemen visual, akronim dan nyanyian.

Kajian dilaksanakan di sebuah sekolah menengah di Putrajaya dengan 12 orang murid Tingkatan 3 yang dikenal pasti menghadapi kesukaran mengingat dan membezakan fakta riwayat hidup serta iktibar tokoh Sahabat. Pemilihan peserta kajian adalah secara persampelan bertujuan berdasarkan pemerhatian guru dan analisis ujian formatif.

Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah campuran melalui triangulasi data kuantitatif dan kualitatif. Data kuantitatif diperoleh melalui ujian 1 (ujian pra) dan ujian 2 (ujian pasca) bagi menilai perubahan pencapaian, manakala data kualitatif diperoleh melalui pemerhatian berstruktur dan temu bual separa berstruktur untuk menilai penglibatan, strategi kognitif dan persepsi murid. Data kuantitatif dianalisis secara deskriptif melalui perbandingan skor, manakala data kualitatif dianalisis secara tematik deskriptif.

Jadual 1: Jadual Markah Hasil Ujian 1

Bil.	Murid	Markah Ujian 1	Catatan
1.	M1	67	Murid tidak dapat membezakan nama ibu bagi tokoh Bilal dan Muaz.
2.	M2	67	Murid keliru tempat kewafatan tokoh Abdul Rahman dan Khalid.
3.	M3	67	Murid keliru dalam mengingat kuniah tokoh-tokoh.
4.	M4	67	Murid keliru dalam mengingat kuniah tokoh-tokoh.
5.	M5	67	Murid keliru untuk membezakan keturunan tokoh Bilal dan Khalid.
6.	M6	33	Murid keliru untuk membezakan bukti keistimewaan tokoh-tokoh.
7.	M7	33	Murid keliru untuk membezakan iktibar setiap tokoh.
8.	M8	33	Murid keliru untuk mengelaskan iktibar daripada tokoh-tokoh.
9.	M9	33	Murid keliru untuk membezakan bukti keistimewaan tokoh-tokoh.
10.	M10	0	Murid keliru untuk membezakan bukti keistimewaan tokoh-tokoh.
11.	M11	0	Murid keliru untuk mengelaskan iktibar daripada tokoh Muaz dan Abdul Rahman.
12.	M12	0	Murid keliru untuk mengelaskan riwayat hidup tokoh Muaz dan Abdul Rahman.

Pelaksanaan kajian melibatkan dua kitaran, setiap kitaran mengambil masa satu hari. Kitaran kedua telah dijalankan setelah sebulan kitaran pertama selesai dijalankan. Kajian telah dimulakan dengan ujian diagnostik pra-refleksi (Ujian 1) bagi menentukan tahap asas penguasaan murid. Daripada hasil ujian diagnostik tersebut, kitaran pertama telah dijalankan menggunakan satu intervensi Teknik Mnemonik “VAN” yang dibangunkan melalui gabungan visual, akronim dan nyanyian berasaskan kerangka fakta buku teks. Murid melaksanakan aktiviti kolaboratif dalam kumpulan untuk menghasilkan akronim, peta minda dan lirik lagu, diikuti pembentangan serta pengulangan bagi pengukuhan memori. 9 item pemerhatian berstruktur dan 15 soalan temu bual yang dijalankan melibatkan 3 tema utama (daya ingatan murid, tahap keupayaan pelajar, dan tahap motivasi pelajar). Catatan lapangan juga digunakan secara serentak untuk menilai ketepatan respons, penglibatan dan penerimaan murid. Proses analisis kajian kualitatif telah dijalankan secara analisis tematik kaedah pengekodan menggunakan ATLAS.ti. Dapatan kitaran pertama menjadi asas refleksi bagi mengenal pasti jurang keberkesanan intervensi.

Kitaran kedua dilaksanakan berdasarkan penambahbaikan daripada refleksi kitaran pertama. Intervensi di dalam kitaran kedua merangkumi pemanjangan masa, pengukuhan rangsangan visual melalui bahan berwarna, bimbingan yang jelas dan tepat dalam pembinaan akronim, serta penggunaan muzik latar digital bagi elemen nyanyian. Keberkesanan diukur melalui ujian pasca kedua dan dibandingkan dengan skor pra-refleksi (Ujian 1) serta skor pasca kitaran kedua (Ujian 2).

Secara keseluruhan, reka bentuk kitaran ini membolehkan penilaian dan penaksiran berulang terhadap keberkesanan Teknik Mnemonik “VAN” serta menyokong penambahbaikan pedagogi berasaskan bukti dalam pengajaran fakta Sirah.

Dapatan Kajian

Jadual 2: Jadual Keputusan Ujian 1 & Ujian 2

Nama	Ujian 1 (%)	Ujian 2 (%)
M1	67	100
M2	67	100
M3	67	100
M4	67	100
M5	67	67
M6	33	67
M7	33	100
M8	33	100
M9	33	100
M10	0	100
M11	0	100
M12	0	100
Purata Peratusan Keseluruhan	39%	94%

Analisis Pencapaian Murid Melalui Ujian 1 dan Ujian 2


Keberkesanan Teknik Mnemonik “VAN” (Visual, Akronim, Nyanyian) dalam meningkatkan keupayaan kognitif murid bagi subtopik Tokoh Sahabat dinilai secara pemerhatian melalui perbandingan keputusan Ujian 1 (Ujian Pra) dan Ujian 2 (Ujian Pasca). Analisis deskriptif terhadap artifak bilik darjah menunjukkan lonjakan prestasi yang sangat ketara dalam kalangan 12 orang sampel kajian selepas intervensi dilaksanakan. Pada fasa pra-intervensi (Ujian 1), majoriti murid berada pada tahap penguasaan yang lemah di mana tiada seorang pun murid berjaya memperoleh skor penuh (100%), malah terdapat segelintir murid yang mencatatkan kegagalan mutlak dengan skor sifar (0%). Taburan skor awal ini mengesahkan kewujudan masalah kekeliruan fakta yang serius serta beban kognitif yang tinggi apabila maklumat biografi empat tokoh sahabat diperkenalkan serentak tanpa sebarang strategi pemisahan maklumat. Walau bagaimanapun, pasca-pelaksanaan kitaran 2 Teknik Mnemonik “VAN” (Ujian 2), analisis data menunjukkan anjakan prestasi yang ketara apabila seramai sembilan orang murid berjaya menguasai subtopik ini sepenuhnya dengan memperoleh skor maksimum 100%. Manakala, baki tiga orang murid lagi menunjukkan peningkatan positif dengan peningkatan skor daripada tahap sifar atau satu kepada skor 67%. Purata peratusan keseluruhan Ujian 1 menunjukkan sebanyak 39% manakala Ujian 2 94%. Peningkatan yang ketara sebanyak 55% ini membuktikan secara kuantitatif bahawa intervensi mnemonik “VAN” bertindak sebagai pemandu kognitif yang berkesan dalam membantu murid mengorganisasi, menyimpan, dan mengeluarkan semula fakta biografi tokoh Sirah secara tepat.

Keberkesanan Elemen Visual, Akronim, dan Nyanyian dalam Proses Pengekoden Maklumat

Bagi memahami mekanisme kognitif di sebalik peningkatan prestasi tersebut, analisis kualitatif berasaskan data temu bual, pemerhatian, dan dokumen jawapan murid dilakukan bagi memperincikan peranan khusus setiap elemen intervensi. Dapatan kajian mendapati elemen auditori melalui lirik nyanyian merupakan komponen utama yang memacu fasa penerimaan (input) dan pengekoden maklumat dalam memori kerja murid. Rentak melodi yang biasa didengar digabungkan dengan lirik fakta yang tersusun membolehkan maklumat abstrak ditukarkan kepada struktur yang lebih konkrit dan dinamik. Bukti temu bual menyokong situasi ini apabila murid menyatakan bahawa nyanyian memudahkan mereka menghafal perkataan yang sukar kerana bait lirik berirama berupaya melekat dalam minda secara automatik, seterusnya mengurangkan rasa bosan berbanding kaedah pembacaan nota secara tradisional. Di samping itu, elemen akronim bertindak sebagai formula ringkas yang menstrukturkan kata kunci maklumat yang padat. Melalui penggunaan singkatan huruf awal yang strategik, murid berupaya memecahkan fakta kompleks kepada unit ringkas dan mudah diurus. Semasa proses pemanggilan semula maklumat (output), gabungan kod akronim dan visual ini berfungsi sebagai "cangkuk ingatan" yang unik. Murid didapati mampu melukis, mencatat, atau membayangkan gambaran visual atau grafik serta bertindak balas menggunakan isyarat kinestetik tertentu untuk memanggil semula fakta biografi tokoh dengan pantas dan tepat.

Sintesis keseluruhan dapatan ini mengukuhkan aplikasi Teori Pemprosesan Maklumat Gagne (1974), di mana proses pengekoden yang sistematik menggunakan kepelbagaian sensori (visual, auditori, dan kinestetik nyanyian) terbukti mempermudah fasa penyimpanan maklumat ke dalam stor ingatan jangka panjang serta melancarkan proses mengingat semula maklumat semasa penilaian dilakukan. Selain itu, persekitaran pembelajaran yang dijana melalui intervensi ini selari dengan konsep Teori Kecerdasan Pelbagai Gardner (1983) yang

menegaskan kepentingan mempelbagaikan mod penyampaian bagi memenuhi keperluan kognitif murid yang pelbagai. Pihak guru memainkan peranan yang kritikal sebagai fasilitator melalui pemberian bimbingan, dorongan motivasi, dan pengulangan nyanyian yang konsisten dalam bilik darjah. Kehadiran sokongan sosial dan pedagogi ini bukan sahaja mengurangkan impak gangguan maklumat yang sering mencetuskan kekeliruan dalam mata pelajaran berasaskan fakta, malah berjaya mentransformasikan suasana pembelajaran Sirah menjadi sebuah persekitaran yang interaktif, berpusatkan murid, dan bermakna.



Rajah 1: Peta Tematik Peningkatan Daya Ingatan Murid melalui Teknik Mnemonik “VAN”

Memori Melalui Nyanyian

Dapatan kajian menunjukkan bahawa elemen nyanyian berfungsi sebagai medium utama dalam fasa input kognitif bagi memudahkan penghafalan fakta abstrak. Penggunaan melodi dan pengulangan lirik meningkatkan pengekalan maklumat melalui pengaktifan memori auditori yang berulang, seperti yang dinyatakan oleh M1 yang menyatakan, “*Nyanyi secara berulang dan boleh ingat*” (M1/TB1/T1/S2), manakala M4 menambah, “*Kalau dengan menyanyi ni, saya rasa lebih mudah ingat sebab kita akan nyanyi hari-hari*” (M4/TB1/T1/S2). Dapatan ini turut diperkukuh melalui hasil pemerhatian di mana M2, M5, dan M7 secara konsisten mengulang nyanyian tersebut semasa sesi imbas kembali fakta Sirah (M2, M5, M7/P2/T1/S1). Ini jelas menunjukkan bahawa nyanyian memudahkan proses ingatan secara konsisten. Hasil pemerhatian ini menunjukkan bahawa pengulangan spontan nyanyian oleh peserta semasa imbas kembali fakta, menandakan pengukuhan memori yang lebih baik. Dapatan ini selari dengan *Teori Dual Coding Paivio* yang menegaskan bahawa integrasi rangsangan verbal dan auditori

meningkatkan kecekapan pengkodan maklumat dalam ingatan jangka panjang (Suppiah Nachiappan, 2013).

Peringkasan Maklumat Melalui Akronim

Dapatan menunjukkan bahawa penggunaan akronim berkesan dalam fasa pengkodan dan penyimpanan maklumat dengan merangkum fakta kompleks kepada unit ringkas yang lebih mudah diingat. Murid menyatakan bahawa akronim membantu mereka mengeluarkan maklumat penting dan menstrukturkannya secara bermakna, sekali gus memudahkan proses ingatan. Ia dapat dilihat di dalam temu bual, M6 menyebut salah satu akronim yang paling diingat berkaitan tajuk semasa pelaksanaan intervensi adalah “*KaLuMa BeSan MeKoMe. Ka tu nama tokoh Khalid bin al-Walid, Lu tu Lubabah as-Sughra, ibu Khalid al-Walid, Ma tu Makhzum, Khalid al-Walid ni bani Makhzum..*” bagi fakta Khalid Al-Walid (M9/TB2/T1/S1), sementara M9 menjelaskan bahawa “*Huruf tu dah letak apa yang penting je..*” (M9/TB2/T1/S1). Pemerhatian turut menunjukkan peningkatan ketepatan murid dalam mengingat fakta tokoh apabila dibantu oleh akronim yang dibina. Dapatan ini selari dengan Teori Beban Kognitif Sweller yang menegaskan bahawa peringkasan maklumat dapat mengurangkan beban kognitif dan meningkatkan kecekapan pemprosesan serta penyimpanan maklumat dalam ingatan jangka panjang (Wahyu Wulansari & Riyadi, 2025).

Integrasi Sokongan Visual dan Kinestetik

Dapatan menunjukkan bahawa penglibatan multisensori melalui rangsangan visual dan kinestetik menyokong fasa pengingatan semula dengan meningkatkan ketepatan capaian maklumat. Pemerhatian mendapati M3, M4, dan M11 menggunakan isyarat pergerakan dan ekspresi muka sebagai strategi bantuan kognitif semasa mengingat fakta (M3, M4, M11/P1/T1/S3), manakala di dalam temu bual menunjukkan bahan visual berfungsi sebagai sokongan struktur bagi mengukuhkan kefahaman. Ini dapat dilihat apabila M4 menyatakan, “*Gambar membantu sebab kita dapat tengok macam contoh-contoh perbuatan, tetapi menyanyi lebih banyak membantu*” (M4/TB1/T1/S4). Walaupun pengaruhnya bersifat pelengkap berbanding nyanyian, integrasi elemen visual dan kinestetik tetap bermakna dalam memastikan ketepatan hasil (*output*). Dapatan ini selari dengan Teori Kecerdasan Pelbagai Gardner yang menekankan kepelbagaian gaya pembelajaran sebagai asas penyempurnaan proses kognitif dalam kalangan murid (Ikhsan Othman & Rohizani, 2010).

Secara keseluruhan, jelas menunjukkan bahawa Teknik Mnemonik “VAN” berkesan dalam meningkatkan daya ingatan murid melalui integrasi elemen visual, akronim dan nyanyian. Nyanyian berfungsi sebagai sumber (*input*) utama dalam pengkodan awal maklumat, akronim memudahkan peringkasan dan penyimpanan fakta kompleks, manakala sokongan visual serta kinestetik mengukuhkan proses pengingatan semula. Gabungan ketiga-tiga elemen ini membentuk strategi pembelajaran multisensori yang lebih efisien dan kondusif, sekali gus meningkatkan keupayaan murid mengingat fakta Sirah secara lebih tepat dan berkesan.

Penutup

Secara keseluruhan, kajian ini membuktikan bahawa pelaksanaan Teknik Mnemonik “VAN” (Visual, Akronim dan Nyanyian) berkesan dalam meningkatkan daya ingatan murid terhadap fakta Sirah melalui pengurangan beban kognitif, pengukuhan organisasi maklumat dan rangsangan memori multisensori. Peningkatan skor ujian 1 dan 2 serta perubahan tingkah laku

pembelajaran ketika mengingat semula fakta seperti mengingat maklumat melalui nyanyian, menggunakan gaya bahasa badan melalui integrasi sokongan visual dan kinestetik, serta peringkasan maklumat melalui akronim mengesahkan keberkesanan integrasi elemen visual, akronim dan nyanyian dalam meningkatkan daya ingatan dan memperkukuh ingatan jangka panjang, selaras dengan Teori Pemprosesan Maklumat, Beban Kognitif dan *Dual Coding*.

Selain itu, pendekatan ini turut meningkatkan motivasi, penglibatan dan keyakinan diri murid, sekali gus menyokong pembelajaran bermakna dalam Pendidikan Islam. Kesimpulannya, Teknik Mnemonik “VAN” terbukti sebagai intervensi pedagogi berpusatkan murid yang efektif dan berpotensi diperluaskan merentas tahap kebolehan serta konteks pembelajaran bagi memperkukuh daya ingatan murid secara holistik, selaras dengan aspirasi PAK21.

Penghargaan:	Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Sekolah Menengah Kebangsaan Putrajaya Presint 16(1) atas sokongan dan kemudahan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan.
Penyataan Pembiayaan:	Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan atau bantuan kewangan.
Pernyataan Konflik Kepentingan:	Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International Journal of Modern Education (IJMOE).
Pernyataan Etika:	Kajian ini telah dijalankan selaras dengan piawaian etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan USIM. Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikut kajian telah diperoleh daripada semua peserta kajian. Penyertaan adalah secara sukarela, dan responden telah dijamin kerahsiaan serta anonimitas. Data yang dikumpulkan digunakan semata-mata bagi tujuan akademik.
Pernyataan Sumbangan Penulis:	Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini.

Rujukan

- Abdul, J. O. & Bahtiar, O. (2005). Aplikasi Pembelajaran Secara Konstruktivisme dalam Pengajaran Karangan Berpandu. *Makalah Pendidikan*, 4, p: 6-8
- Aini, S., & Mohd Noor, A. (2016). Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah di Sekolah-Sekolah di Malaysia. *Jurnal Sejarah*, 2, 45–46. Universiti Malaya.
- Bakken, J. P., & Simpson, C. G. (2011). Mnemonic Strategies: Success for The Young-Adult Learner. *Journal of Human Resource and Adult Learning*, 7(1), p: 79–85.
- Colak, K., & Aydin, R. I. (2022). The Effect of Using Mnemonics on Success in Social Studies. *The Journal of Educational Research*, 115(3), p: 223–233.
- Gagne, R. M. (1974). *Essentials of learning for instruction*. Dryden Press.
- Gardner, H. (1983). *Frames of mind: The theory of multiple intelligences*. New York: Basic Books.
- Kaviza, M. (2019). Hubungan Gaya Pembelajaran dan Motivasi Intrinsik dalam Mata Pelajaran Sejarah. Universiti Utara Malaysia, Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, 4(5), p: 62.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). Perubahan Paradigma Pemikiran ke Arah Pendidikan Berkualiti. *Jurnal Pendidikan Tingkatan Enam*, 3, p: 130–132.
- Kemmis, S. and McTaggart, R. (1988). *The Action Research Planner*. Deakin University Press.
- Khairuddin, M. R., Mailok, R., & Azizan, N. (2023). The Effect of Using Visual Mnemonics on Students' Long-term Memory Retention in History Subject Form One. *Journal of ICT in Education*, 10(1), p: 45–58.
- Khairuddin, Y., & Mailok, R. (2023). The Effect of Using Visual Mnemonics on Long-term Memory Retention for Subject of History. *Journal of ICT in Education*, 10(1), p: 57–58.
- Learner Strategies in Language Learning*. p: 15–30. Prentice-Hall.
- Maizan Mat @ Muhammad. (2017). Teknik Mnemonik sebagai Strategi Kognitif dalam Meningkatkan Keupayaan Ingatan Murid Peringkat Pengajian Pra-U: Sorotan Kajian Lepas. *National Pre University Seminar*, p: 309–317.
- Mastropieri, M. A., & Scruggs, T. E. (2012). *Mnemonic Learning*. Springer.
- McNiff, J. (2017). *Action Research: All You Need to Know*. Sage Publications.
- Nachiappan, S. (2013). Peranan Teori Dual Coding dan Proses Kognisi dalam Pengajaran dan Pembelajaran melalui Kaedah Pedagogi Hermeneutik. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ngah, M. R., Baharudin, H., & Che Noh, M. A. (2016). Teknik Pembelajaran Mnemonik dalam Pendidikan Islam Tingkatan Empat. *Wacana Pendidikan Islam Siri Ke-11 (WPI-11): Pendidikan Islam Membangunkan Ummah Wasatiyyah*, p: 1161–1171. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nordin, S. (2016). Kesan Penggunaan Peta Konsep terhadap Pencapaian Sains Pelajar Tingkatan Satu. Universiti Utara Malaysia, College of Arts and Sciences, p: 15.
- Othman, I., & Yaakub, R. (2010). Aplikasi Teori Kecerdasan Pelbagai dalam Pelaksanaan Kurikulum. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 25, p: 21–32. APJEE USM
- Sarioglu, M., & Karatepe, C. (2024). The Use of Mnemonics to Minimize the Interfering Effects of Teaching New Words in Semantic Sets to Learners of English as a Foreign Language. *Applied Cognitive Psychology*, 38(5), p: 5–6.
- Sweller, J. (1988). Cognitive Load During Problem Solving: Effects on Learning. *Cognitive Science*, 12(2), p: 257–285.
- Tang, G. L. (2005). Meningkatkan Keupayaan Pelajar

Mengingat Fakta Sejarah dengan Menggunakan Kaedah Mnemonik. *Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan Tahun 2005*, p: 97–107.

Thompson, I. (1987). Memory in Language Learning. in A. Wenden & J. Rubin (Eds.),

Vygotsky, L. (1978). Interaction between Learning and Development. *Readings on the Development of Children*. 23(3), p: 34-41.

Wulansari, W., & Riyadi. (2025). Pengaruh Persepsi Beban Kognitif dan Regulasi Diri terhadap Ketahanan Fokus Mahasiswa dalam Menelusuri Sumber Sejarah. *AVATARA: e-Journal Pendidikan Sejarah*, p: 4–5.